



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217, 03 – 8870 2253 Faks : 03 – 8888 0579, 03 – 8888 4457 (KP),
E-mail : pro@dvs.gov.my

'TALKING POINT' MENTERI UNTUK SIDANG MEDIA

'AKTIVITI PENDIDIKAN AWAL KEBAJIKAN HAIWAN' SEMPENA PROGRAM SANTAI YB MENTERI PERTANIAN DAN INDSTRUTRI ASAS TANI DI SPCA SELANGOR

11 OGOS 2016

SPCA AMPANG SELANGOR

-
1. Akta Kebajikan Haiwan 2015(Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan dijangka dikuatkuasakan pada tahun 2017. Menjelang penguatkuasaan Akta ini pihak kerajaan melalui Kementerian dan Jabatan sedang dan akan membuat siri promosi dan hebahan tentang kebajikan haiwan di seluruh negara terutama kepada golongan sasaran yang terdiri daripada pihak stakeholder(pemegang taruh) yang terlibat di dalam pengendalian haiwan. Pelajar-pelajar sekolah juga adalah kumpulan yang dilihat amat penting untuk diberi pendedahan memandangkan golongan ini banyak berdampingan dengan haiwan terutama haiwan kesayangan seperti kucing dan anjing serta haiwan-haiwan eksotik yang lain.

2. Di peringkat antarabangsa, perundangan berkaitan kebajikan haiwan telah lama di bangunkan di negara-negara maju. Oleh sebab itu, semasa menggubal Akta Kebajikan Haiwan, kita banyak menggunakan rujukan dari negara seperti Australia, New Zealand, United Kindom dan India. Selain daripada Malaysia, negara jiran seperti Thailand dan Indonesia juga begitu komited dengan kebajikan haiwan. Malah negara Thailand lebih awal mewartakan undang-undang kebajikan haiwan mereka iaitu setahun awal berbanding Malaysia.
3. Selain daripada itu negara jiran Indonesia juga dilihat begitu komited dengan Kebajikan Haiwan. Promosi tentang kebajikan haiwan di negara Indonesia juga dijalankan di sekolah-sekolah termasuk pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Mengambil contoh kemajuan yang telah dicapai diperingkat antarabangsa dan juga komitmen yang diberikan oleh beberapa negara jiran yang berdekatan, Malaysia juga seharusnya mengambil inisiatif dan pendekatan untuk mempromosikan kebajikan haiwan di negara ini.
4. Maka **Aktiviti Pendidikan Awal Kebajikan Haiwan** bersama pelajar-pelajar sekolah ini adalah amat bertepatan untuk menunjukkan secara khusus bagaimana menguruskan haiwan dengan baik.

5. Sikap menyayangi haiwan kesayangan bukan sahaja melibatkan aktiviti memelihara sahaja tetapi cara penjagaan yang sempurna seperti menyediakan persekitaran yang sesuai, diet yang sesuai, membolehkan haiwan kesayangan mempamerkan corak kelakuan semulajadi, perumahannya dan melindungi haiwan daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit adalah perkara yang perlu diberi perhatian. Ini adalah lima prinsip kebebasan haiwan yang diterima pakai oleh sejagat.
6. Semua elemen berkaitan penjagaan haiwan ini sebenarnya ada dinyatakan di dalam Akta Kebajikan Haiwan 2015. Walau bagaimanapun dalam usaha untuk mempromosikan Akta ini ia memerlukan pendekatan yang berlainan kepada setiap golongan sasaran. Oleh itu cara pendekatan yang diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah dalam program hari ini amat bersesuaian sekali seterusnya dapat memupuk pelajar sekolah ke arah sifat bertanggungjawab kepada haiwan.
7. Usaha pendedahan kebajikan haiwan kepada pelajar akan dilanjutkan dan diperluaskan ke peringkat pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Jabatan Perkhidmatan Veterinar melalui MOA akan berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan untuk menyediakan modul-modul pembelajaran kebajikan haiwan. Dengan usaha sebegini kita boleh melahirkan sebuah masyarakat penyayang haiwan. Ini adalah satu mercu tanda kemajuan sesebuah negara.

8. Penglibatan pihak-pihak lain termasuk NGO dan industri dilihat amat membantu pihak kerajaan dalam usaha untuk mempromosikan kebajikan haiwan. Pihak SPCA terutamanya dilihat amat aktif memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kesedaran menyayangi haiwan bagi tujuan mencegah kezaliman terhadap haiwan. Usaha ini amat dihargai dan pihak kerajaan amat mengalu-alukan sekiranya pihak NGO dan persatuan penyelamat haiwan yang lain dapat membantu kerajaan bersama-sama menjayakan program kesedaran kebajikan haiwan.

9. Pihak kerajaan pada tahun ini bercadang untuk mengadakan program **Hari Kebajikan Haiwan peringkat kebangsaan sempena sambutan Hari Haiwan Sedunia yang disambut pada 4 Oktober setiap tahun.** Program ini dicadangkan diadakan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program itu nanti akan melibatkan semua pihak yang terlibat dengan aktiviti haiwan termasuk NGO, Persatuan Penyelamat Haiwan, industri dan swasta yang akan bersama-sama pihak kerajaan bagi tujuan mempromosikan tentang kebajikan haiwan. Ianya bukan sahaja bagi meningkatkan kesedaran kebajikan terhadap haiwan kesayangan tetapi juga kepada semua haiwan termasuk haiwan ternakan.

10. Harapan kerajaan ialah supaya NGO, industri dan swasta bersama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan

dalam usaha untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan haiwan mengikut keperluan undang-undang.

11. Sementara menunggu proses penggubalan peraturan-peraturan di bawah Akta Kebajikan Haiwan di lengkapkan, pihak kerajaan menyeru agar semua pihak dapat memberi kerjasama memberi pendidikan awal dan kesedaran tentang kebajikan haiwan. Sebanyak 10 peraturan kebajikan haiwan yang berkaitan dengan aktiviti haiwan ini sedang digubal dan penguatkuasaan Akta Kebajikan Haiwan hanya akan dilaksanakan sebaik sahaja semua peraturan yang penting dilengkapkan. Akta Kebajikan Haiwan dijangka dapat dikuatkuasakan pada pertengahan tahun 2017.

12. Saya bagi pihak kerajaan amat berharap, dengan adanya program seperti hari ini dan program-program yang akan dirancang pada masa yang lain dapat membantu kita dalam memartabatkan pengurusan kesejahteraan dan kebajikan haiwan di negara ini.

Sekian, terima kasih